



Kepada

Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor.

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2010**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
BAJET TAHUN 2011 – 2012 KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan cadangan anggaran bajet tahun 2011 - 2012 bagi Jabatan-jabatan Negeri Selangor. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa cadangan anggaran belanjawan iaitu hasil serta perbelanjaan bagi maksud mengurus dan pembangunan Jabatan masing-masing disediakan mengikut garis panduan yang terdapat di dalam Pekeliling ini.

2.0 PENYEDIAAN CADANGAN BAJET JABATAN TAHUN 2011-2012

2.1 Dalam usaha untuk Melestarikan Kehidupan Rakyat Demi Kesejahteraan Hubungan dengan Tuhan, Manusia dan Alam Sekitar, perancangan dan pembangunan Negeri Selangor dirancang dan dibentuk berdasarkan wawasan, pemikiran serta usaha yang bermatlamatkan pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik.

2.2 Tujuh (7) teras utama Negeri Selangor yang telah dirangka perlu dijadikan panduan dalam penyediaan bajet tahun 2011-2012 iaitu:

Pertama : Menguruskan Negeri Maju Berteraskan Nilai Murni, Nilai Sejahtera, Keunggulan Budaya dan Tradisi Agama

Kedua : Menangani Ketidaksamaan Sosioekonomi yang Berterusan

Ketiga : Menyediakan Panduan Strategik Mengenai Arah dan Corak Perbandaran dan Penggunaan Tanah

Keempat : Menambah Baik Tadbir Urus

Kelima : Menguruskan Pembangunan Alam Sekitar yang Mampan

Keenam : Memacu Pembangunan Modal Insan

Ketujuh : Menjana Sumber Pertumbuhan Baru

2.3 Pengurusan perbelanjaan Negeri Selangor akan terus di laksanakan melalui konsep **Bajet Berimbang** berdasarkan pendekatan kepada strategi berikut:-

- i) Menguruskan sumber negeri secara bijaksana demi meningkatkan sosial dan kebajikan rakyat tanpa mengira bangsa bagi meneruskan prinsip Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).
- ii) Mempertingkatkan hasil pendapatan negeri melalui pemantapan program kutipan hasil dan penguatkuasaan yang berkesan di samping meneroka cara serta punca hasil baru Kerajaan Negeri.
- iii) Memperkasakan modal insan rakyat Negeri Selangor melalui program latihan, program peningkatan latihan dan penyediaan prasarana latihan.
- iv) Pengurusan perbelanjaan yang cekap berdasarkan keutamaan dan keperluan sebenar tanpa pembaziran.
- v) Memantapkan Pembangunan Negeri Selangor iaitu pembangunan infrastruktur, pendidikan dan latihan kemahiran yang akan memberi manfaat optimum kepada rakyat.

3.0 PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2011-2012

3.1 Bagi memastikan perbelanjaan awam berteraskan kepada prinsip sumber kewangan digunakan dengan cara yang paling optimum, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian dalam menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus kepada perkara berikut:

- i) Program dan aktiviti hendaklah dinilai dan diubahsuai, di mana perlu, mengikut keadaan atau keperluan semasa.
- ii) Program dan aktiviti yang didapati tidak lagi sesuai perlu diberhentikan.
- iii) Pertindihan fungsi sama ada di dalam agensi atau di antara agensi perlu dielakkan.
- iv) Impak daripada sesuatu program atau aktiviti perlu diberi penekanan. Keutamaan perlu diberikan kepada program atau aktiviti yang memberi impak kepada Jabatan.
- v) Keutamaan perbelanjaan perlu disusun semula dengan tumpuan diberikan kepada program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada pencapaian tujuan Jabatan secara cekap dan berkesan.

vi) Faktor keupayaan untuk melaksana program dan objektif dalam Jabatan perlu diambil kira.

vii) Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri perlu dipatuhi.

viii) Peruntukan emolumen disediakan secukupnya.

3.2 Formula pengiraan **Batas Perbelanjaan (ET)** bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:-

ET 2011 = 3% Emolumen 2010 + Dasar Sedia Ada 2010 + Dasar Baru 2010 – Dasar Baru 2009 yang tidak dibelanjakan

- Kenaikan 3% akan diberikan kepada Emolumen sahaja.

3.3 Penyampaian cadangan anggaran perbelanjaan bagi Dasar Sedia Ada bagi kedua-dua tahun berkenaan **tidak boleh melebihi Batas-batas Perbelanjaan** yang ditetapkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3.4 Bagi tahun 2012, semua agensi diperlukan menyediakan ET berasaskan peruntukan sedia ada 2011 dan cadangan Dasar Baru 2011 berpandukan formula pengiraan ET di atas.

3.5 Permohonan **Dasar Baru/One Off**, Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian perkara-perkara berikut:

- i) Cadangan Dasar Baru/*One-Off* tersebut perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri iaitu sama ada:
 - a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN);
 - b. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri; atau
 - c. Y.B. Pegawai Kewangan Negeri.
- ii) **Nilai *Threshold*** ditolak daripada cadangan perbelanjaan Dasar Baru/*One-Off*; dan
- iii) **Cadangan Penjimatan** hendaklah dikemukakan selaras dengan prinsip penjimatan kos akibat pengubahsuaian ataupun pemansuhan terus Dasar Sedia Ada yang mencapai objektifnya, diperkecilkan ataupun tidak lagi sesuai.

4.0 PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2011-2012

4.1 Tahun 2010 adalah tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), Pegawai Pengawal perlu memastikan projek RMKe-9 berjalan dengan lancar

mengikut jadual pelaksanaan bagi mengurangkan projek sambungan dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10).

- 4.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut dengan menyediakan jadual kerja bagi setiap projek.
- 4.3 Pegawai Pengawal boleh menyediakan peruntukan tanda **RM10.00** bagi projek-projek baru yang akan dilaksanakan di mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan projek belum dimuktamadkan.
- 4.4 Bagi projek-projek yang terlibat dengan pengambilan balik tanah, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan perancangan lima tahun kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi mendapatkan persetujuan. Pengambilan balik tanah yang melibatkan projek Kerajaan Negeri sahaja boleh dimasukkan ke dalam anggaran bajet tahun 2011-2012.
- 4.5 Bagi projek-projek di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan-Badan Berkanun atau Agensi Kerajaan yang lain, cadangan hendaklah dikemukakan kepada pihak yang

berkenaan supaya peruntukan kewangan dapat disediakan oleh pihak-pihak tersebut.

5.0 CADANGAN ANGGARAN HASIL 2011-2012

5.1 Cadangan anggaran hasil bagi tahun 2011-2012 hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- i) Meneliti rekod prestasi hasil tiga (3) tahun ke belakang.
- ii) Sebarang perubahan dasar, peraturan atau kadar.
- iii) Kemampuan kutipan tunggakan hasil.

5.2 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberikan asas-asas yang tepat tentang kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil yang sepatutnya dipungut bagi tiap-tiap tahun iaitu tahun 2011 dan 2012.

5.3 Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:-

- i) Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2011-2012.

- ii) Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2011 dan 2012 yang boleh dipungut dalam tahun berkenaan.
- iii) Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2010.
- iv) Baki tunggakan terkumpul (tunggakan tahun-tahun sebelum yang tidak boleh dipungut dalam tahun 2010 termasuk hasil tahun 2010 yang tidak dapat dipungut) merupakan anggaran tunggakan yang akan dibawa ke tahun 2011.

5.4 Sekiranya cadangan anggaran hasil tahun 2011-2012 mempunyai perbezaan bertambah atau kurangan yang ketara dengan anggaran hasil tahun sebelumnya, Pegawai Pengawal/pemungut diminta memberikan sebab-sebab mengapa terdapatnya perbezaan dan perkiraan mengenainya hendaklah disediakan.

6.0 PENYAMPAIAN CADANGAN BAJET 2011-2012

6.1 Tatacara menyediakan Cadangan Anggaran Bajet Tahun 2011-2012 adalah seperti maklumat berikut:-

- | | | |
|------|--|-------------------|
| i) | Program dan Prestasi | LAMPIRAN 1 |
| ii) | Ringkasan Eksekutif | LAMPIRAN 2 |
| iii) | Ringkasan Dasar baru dan
<i>One Off</i> | LAMPIRAN 3 |

iv)	Cadangan Dasar Baru	LAMPIRAN 4
v)	Cadangan <i>One Off</i>	LAMPIRAN 5
vi)	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan	LAMPIRAN 6
vii)	Cadangan Anggaran Hasil	LAMPIRAN 7
viii)	Perjanjian Program	LAMPIRAN 8

6.2 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2011-2012 dengan menggunakan format-format di atas hendaklah dikemukakan tidak lewat pada **7 Mei 2010** dengan jumlah salinan seperti berikut:-

- i) Dua (2) naskhah Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus;
- ii) Tiga (3) naskhah Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan; dan
- iii) Dua (2) naskhah Cadangan Anggaran Hasil.

7.0 PEMERIKSAAN BAJET TAHUN 2011-2012

7.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Cadangan Anggaran Hasil Jabatan-jabatan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor akan diadakan mulai **bulan Jun 2010** di setiap Jabatan. Jabatan-jabatan akan dimaklumkan

melalui surat rasmi dan Pegawai Pengawal dipohon hadir dengan dibantu oleh pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan.

8.0 PENUTUP

8.1 Dalam penyediaan Cadangan Anggaran Bajet Tahun 2011-2012 di bawah Pekeliling ini, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan bolehlah menghubungi **Bahagian Belanjawan, Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor** di talian 03-55447795/7106/7206/7213.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 21 Mac 2010.

Salinan kepada:

- i) Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.
- ii) Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii) Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
- iv) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

PROGRAM DAN PRESTASI 2011

JABATAN/AGENSI

OBJEKTIF :

PELANGGAN :

STRATEGI :

Aktiviti :

Objektif Aktiviti :

Penerangan Aktiviti :

PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)

Tandatangan Pegawai Pengawal :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENYEDIAAN LAPORAN PROGRAM DAN PRESTASI 2011

JABATAN/AGensi

OBJEKTIF: (Menerangkan apa yang hendak dicapai oleh Kementerian/Jabatan)

PELANGGAN: (Senaraikan **pihak-pihak yang menerima faedah secara langsung** daripada kegiatan Kementerian/Jabatan **berkaitan dengan objektif** Kementerian/Jabatan)

STRATEGI: (Senaraikan **strategi Kementerian/Jabatan bagi tahun 2011 secara ringkas mengikut keutamaan**)

Aktiviti

Objektif: (Objektif Aktiviti menerangkan apa yang hendak dicapai oleh Aktiviti. Ianya hendaklah berorientasi impak dan dinyatakan secara spesifik dalam bentuk yang boleh diukur. Objektif tidak patut disebutkan dalam bentuk tugas atau fungsi yang dijalankan sahaja atau Akta yang dikuatkuasakan)

Penerangan Aktiviti:

(Menerangkan secara ringkas apa yang dilaksanakan oleh Aktiviti berkenaan untuk faedah pelanggan)

PRESTASI AKTIVITI

(Prestasi Aktiviti menunjukkan output Aktiviti. Output adalah barangan yang dikeluarkan atau perkhidmatan yang disediakan bagi pelanggan. Seberapa yang boleh, petunjuk output yang disediakan perlulah menunjukkan kuantiti output, kualiti output, ketepatan masa dan kos untuk penyediaan output berkenaan. Bilangan kuantiti petunjuk output untuk setiap Aktiviti hendaklah dihadkan kepada lima petunjuk output akhir utama sahaja)

Output	(2009 Sebenar)	(2010 Anggaran)	(2011 Anggaran)
--------	----------------	-----------------	-----------------

.....
(Tandatangan Pegawai Pengawal)

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

OBJEKTIF

Perbendaharaan Negeri Selangor bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengurusan dan kawalan kewangan yang cekap dan berkesan kepada semua pelanggan yang meliputi Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dan orang awam bagi mencapai kepuasan pelanggan secara berterusan.

PELANGGAN

CG/BOLD/12-SEMUA TAJUK -TAJUK

SEMUA PENULISAN
ADALAH FORMAT
CG/10/BIASA

- i) Pegawai-pegawai pengawal di Jabatan-jabatan Negeri;
- ii) Anggota Pentadbiran Kerajaan;
- iii) Bank-bank;
- iv) Orang awam;
- v) Sektor awam;
- v) Sektor swasta; dan
- vi) Anggota Pejabat Perbendaharaan Negeri.

STRATEGI

Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, strategi-strategi yang akan dilaksanakan adalah:

- i) Penggunaan Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS) dan pelaksanaan belanjawan berimbang di antara hasil dan perbelanjaan serta antara mengurus dan pembangunan.
- ii) Meneruskan pelaksanaan belanjawan berhemah dari segi bajet mengurus dan pembangunan.
- iii) Memantau kutipan sedia ada secara konsisten dan mempergiatkan kutipan tunggakan hasil serta mencari sumber hasil baru.
- iv) Melaksanakan dasar terbuka.
- v) Membantu melahirkan kontraktor-kontraktor bumiputera yang berwibawa.
- vi) Memantau semua perkembangan dan kemajuan anak-anak syarikat Negeri supaya mencapai objektif penubuhan termasuk membantu kaum bumiputera.
- vii) Mengenakan tindakan tegas kepada pegawai-pegawai yang tidak mematuhi peraturan.
- viii) Meneruskan usaha-usaha pengkomputeran sistem pengurusan kewangan Kerajaan Negeri.
- ix) Melaksanakan MS ISO:9001 versi 2000 di seluruh peringkat kakitangan Kerajaan Negeri Selangor.

PROGRAM 1:**AKTIVITI 1 : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN****CG/BOLD/
10****OBJEKTIF**

Memastikan semua urusan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia, pengkomputeran dan pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri Selangor dan pemantauan audit dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai kepuasan pelanggan secara berterusan. Khidmat Pengurusan dibahagikan kepada tiga (3) Unit iaitu Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit dan Unit Komputer. Semua aktiviti yang telah dirancang dan tugas-tugas telah dapat dilaksanakan mengikut matlamat yang ditetapkan.

OUTPUT

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Baucer Yang Disediakan	2188	2400	2650
Pesanan Tempatan Yang Dikeluarkan (L.O)	412	550	670
Bil. Mesyuarat yang diadakan	90	40	50
Mengurus Rekod Perkhidmatan dan Perjawatan	175	179	179
Penyediaan Borang Kew. 8	500	650	500
Latihan/Kursus/Seminar/Bengkel/(Anjuran Jabatan/Agensi Luar)	25	30	35

AKTIVITI 2 : BAHAGIAN PENGURUSAN HASIL**OBJEKTIF**

Berusaha mendapatkan segala sumber hasil Kerajaan Negeri yang sedia ada secara maksimum dan berkesan, di samping meneroka peluang-peluang baru bagi meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri.

OUTPUT

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Pemantauan Kutipan Hasil Negeri	17	13	13
Bil. Laporan Bulanan Kutipan Hasil	12	12	12

Bil. Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun yang dipantau	40	40	40
Bil. Pejabat Pemungut yang diselaraskan bagi penyediaan Anggaran Hasil Negeri	65	65	65
Bil. Pemantauan terimaan Pemberian Pusat	23	23	23
Permohonan Pulang Balik Hasil yang diproses	37	40	40
Kutipan kaunter	1428	1400	1400
Pemeriksaan Premis Hiburan	166	100	100

AKTIVITI 3 : BELANJAWAN

OBJEKTIF

Menentukan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Selangor diberi peruntukan kewangan yang sewajarnya melalui pemeriksaan dan penganalisisan program dan rancangan pembangunan selaras dengan Dasar Belanjawan Negeri semasa.

OUTPUT

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Pengeluaran Buku Bajet Negeri	1,000	1,000	1,000
Waran Peruntukan Yang Dikeluarkan	60	40	75
Pendahuluan Diri Yang Diluluskan	16	18	20
Proses Pindah Peruntukan	400	450	500
Pengecualian Daripada Tatacara Kewangan/Kelulusan Khas	600	700	750
Ulasan Terhadap Kertas MMKN	45	48	48

AKTIVITI 4 : BAHAGIAN PEROLEHAN & PENGURUSAN ASET

OBJEKTIF

Memastikan semua perolehan kerajaan adalah yang terbaik, paling menguntungkan dan diuruskan dengan cekap, telus dan saksama mengikut tatacara kewangan dan Arahan Perbendaharaan.

Merancang, melaksana, mengawal dan menguatkuasakan dasar-dasar dan peraturan-peraturan perolehan kerajaan selaras dengan peranan pegawai kewangan negeri sebagai pihak berkuasa hal ehwal perolehan awam negeri.

Mengawasi pengurusan aset kerajaan dalam Negeri Selangor serta mengawal pelupusan dan hapus kira aset.

OUTPUT

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Meluluskan permohonan pelantikan perundingan	96	100	105
Menghadiri Mesyuarat Sebut Harga	24	30	33
Menghadiri Mesyuarat Runding Harga Terus	500	300	250
Menghadiri Mesyuarat Runding Harga	72	80	85
Meluluskan pengecualian Tatacara Perolehan	64	70	73
Menghadiri Mesyuarat Perubahan Kerja	72	80	75
Pemeriksaan Harta Modal/Inventori/Stor	10 Jabatan/Agensi	20 Jabatan/Agensi	15 Jabatan/Agensi
Memberi kelulusan untuk Pelupusan Kenderaan	18 Buah	4 Buah	10 Buah
Memberi Kelulusan Roboh Bangunan	19 Unit	53 Unit	30 Unit
Memberi Kelulusan Pelupusan Harta Modal/Inventori	10 Lot	5 Lot	8 Lot
Memberi Kelulusan Hapus kira Kehilangan Aset	-	3 Permohonan	2 Permohonan

RINGKASAN EKSEKUTIF

ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2011-2012

RINGKASAN EKSEKUTIF

1. MAKSUD :

2. JABATAN/AGENSI :

3. OBJEKTIF :

--

4. PUNCA KUASA :

--

5. STRATEGI AGENSI :

(a) Strategi Tahun Lepas

(i) Strategi Tahun Lepas (2009)

Strategi-strategi Utama:

(ii) Pencapaian

Output Utama Jabatan/Agensi	Tahun 2009	
	Persetujuan	Pencapaian
(Sila senaraikan <u>Output utama</u> Jabatan mengikut keutamaan)		

(b) Strategi Tahun Semasa

(i) Strategi Tahun Semasa (2010)

Strategi-strategi Utama:

(ii) Pencapaian

Output Utama Jabatan/Agensi	Tahun 2010	
	Persetujuan	Pencapaian Setakat Suku Tahun Kedua (30 Mei 2010)
(Sila senaraikan <u>Output-output utama</u> Jabatan mengikut keutamaan)		

(c) Strategi Tahun Baru

(i) Strategi Tahun Belanjawan Pertama (2011)

Strategi-strategi Utama:

(ii) Unjuran pencapaian

Output Utama Jabatan/Agensi	Tahun 2011
	Persetujuan

(iii) Strategi Tahun Belanjawan Kedua (2012)

Strategi-strategi Utama:

(iv) Unjuran pencapaian

Output Utama Jabatan/Agensi	Tahun 2012
	Persetujuan

(c) Masalah:

- (i) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi tahun lepas yang telah menghalang pencapaian objektif Agensi seperti kekurangan peralatan, tenaga manusia, latihan , sistem kerja, faktor-faktor luaran dan lain-lain.
- (ii) Nyatakan langkah-langkah mengatasi masalah/kekurangan/kelemahan tersebut **(diletakkan sebagai strategi Tahun Baru)**.

(e) Perubahan objektif dan strategi:
Nyatakan :

- (i) Implikasi peruntukan kewangan
- (ii) Implikasi keperluan jawatan

6. RUMUSAN CADANGAN PERBELANJAAN

Jenis Perbelanjaan	Peruntukan Asal (2009)	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambah/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun (2009)	Peruntukan Asal Tahun (2010)	Anggaran Tahun (2011)	Perbezaan Antara Anggaran Tahun 2010 dan 2011		Anggaran Tahun (2012)	Perbezaan Antara Tahun 2011 dan 2012	
(A) PERBELANJAAN MENGURUS	RM	RM	RM	RM	RM	RM	%	RM	RM	%
(i) Perbelanjaan Tanggungan										
(ii) Perbelanjaan Bekalan										
<i>Jumlah Mengurus</i>										
(B) PERBELANJAAN PEMBANGUNAN										
(i) Cara Langsung										
(ii) Pinjaman										
<i>Jumlah Pembangunan</i>										
JUMLAH BESAR (A) + (B)										

Tarikh :

(Tandatangan Pegawai Pengawal)

[illegible]

ABM1 - 7(RE)

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN BARU MENGIKUT OBJEK AM DAN OBJEK SEBAGAI

MAKSUD BEKALAN :

PROGRAM :

AKTIVITI :

Objek Sebagai	Deskripsi Objek Sebagai	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambah/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009	Peruntukan Asal Tahun Semasa (2010)	Peruntukan Diminta Tahun 2011	Peruntukan Diminta Tahun 2012	Anggaran Disyorkan Tahun 2011	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2010	% Beza I	Anggaran Disyorkan Tahun Baru Kedua (2012)	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2012	% Beza II
11000	Gaji dan Upahan											
12000	Elaun Tetap											
13000	Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan											
14000	Elaun Lebih Masa											
15000	Faedah Kewangan Yang Lain											
16000	Bayaran-bayaran Elaun Diraja											
10000	EMOLUMEN											
21000	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup											
22000	Pengangkutan Barang- barang											
23000	Perhubungan dan Utiliti											
24000	Sewaan											

Objek Sebagai	Deskripsi Objek Sebagai	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambah/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009	Peruntukan Asal Tahun Semasa (2010)	Peruntukan Diminta Tahun 2011	Peruntukan Diminta Tahun 2012	Anggaran Disyorkan Tahun 2011	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2010	% Beza I	Anggaran Disyorkan Tahun Baru Kedua (2012)	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2012	% Beza II
25000	Bahan-bahan Makanan dan Minuman											
26000	Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan											
27000	Bekalan dan Bahan-bahan Lain											
28000	Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli											
29000	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti											
20000	PERKHIDMATAN & BEKALAN											
31000	Tanah dan Pembaikan Tanah											
32000	Bangunan dan Pembaikan											
	Bangunan											
33000	Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan											
34000	Kenderaan dan Jentera											
35000	Harta Modal Yang Lain											

Objek Sebagai	Deskripsi Objek Sebagai	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambahan/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009	Peruntukan Asal Tahun Semasa (2010)	Peruntukan Diminta Tahun 2011	Peruntukan Diminta Tahun 2012	Anggaran Disyorkan Tahun 2011	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2010	% Beza I	Anggaran Disyorkan Tahun Baru Kedua (2012)	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2012	% Beza II
36000	Binatang, Pokok & Benih											
37000	Pinjaman											
38000	Pelaburan											
30000	ASET											
41000	Biasiswa, Dermasiswa dan											
	Bantuan Pelajaran											
42000	Pemberian Dalam Negeri											
43000	Pemberian Ke Luar Negeri											
44000	Tuntutan Insurans & Pampasan											
45000	Faedah, Dividen & Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain											
46000	Pencen											
47000	Ganjaran											
40000	PEMBERIAN & BAYARAN TETAP											
51000	Pulang Balik dan Hapus Kira											
52000	Bayaran-bayaran Lain											
50000	PERBELANJAA LAIN											
	JUMLAH BESAR											

RINGKASAN HASIL MENGIKUT OBJEK SEBAGAI

1. MAKSUD BEKALAN :			2. AGENSI :			
OBJEK SEBAGAI	HASIL SEBENAR TAHUN LEPAS (2009)	ANGGARAN HASIL TAHUN SEMASA (2010)	ANGGARAN HASIL TAHUN BARU PERTAMA (2011)	PERBEZAAN ANTARA TAHUN 2010 DENGAN TAHUN 2011	ANGGARAN HASIL TAHUN BARU KEDUA (2012)	PERBEZAAN ANTARA 2011 DENGAN 2012
HASIL CUKAI 861000 Cukai Langsung 862000 Cukai Tidak Langsung						
JUMLAH HASIL CUKAI						
JUMLAH HASIL CUKAI						
HASIL BUKAN HASIL 8710000 Lesen Dan Permit 8720000 Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan 8730000 Perolehan Daripada Jualan Barang-barang 8740000 Sewaan 8750000 Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan 8760000 Denda Dan Hukuman						
JUMLAH HASIL BUKAN HASIL						
TERIMAAN BUKAN HASIL 8810000 Pulang balik Perbelanjaan 8820000 Terimaan Daripada Lain-Lain Agensi Kerajaan 8830000 Pampasan Di Atas Wilayah Persekutuan						
JUMLAH TERIMAAN BUKAN HASIL						
JUMLAH BESAR						

**RINGKASAN DASAR BARU
DAN *ONE OFF***

**RINGKASAN CADANGAN DASAR BARU DAN *ONE-OFF*
MENGIKUT AKTIVITI**

	Peruntukan Semasa (2010)	Tahun 2011		Tahun 2012	
		Cadangan Peruntukan Tolak <i>Threshold</i>	Cadangan Jawatan	Cadangan Peruntukan Tolak <i>Threshold</i>	Cadangan Jawatan
Cadangan Dasar Baru					
JUMLAH					
Cadangan <i>One-off</i>					
JUMLAH					

- Nota:
- (i) Setiap cadangan peruntukan hendaklah melebihi 'threshold'.
 - (ii) Jumlah peruntukan yang diluluskan akan mengambil kira tolakan 'threshold' bagi Jabatan berkenaan.
 - (i) Peruntukan semasa perlu diisi untuk dasar baru yang merupakan sambungan dasar yang telah diluluskan dalam tahun 2010.

Tandatangan Pegawai Pengawal :
Tarikh :

CADANGAN DASAR BARU

CADANGAN DASAR BARU

1. AGENSI :

2. PROGRAM :

3. AKTIVITI :

4. TAJUK CADANGAN :

5. BUTIRAN PERBELANJAAN	Peruntukan Tahun 2010	Peruntukan Tahun 2011	Peruntukan Tahun 2012
Emolumen			
Perkhidmatan dan Bekalan			
Aset			
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap			
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain			
JUMLAH			

6. KEPERLUAN JAWATAN

Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah Jawatan	Tahun 2011	Tahun 2011	Tahun 2012
(i) Anggota Pentadbiran dan Lantikan Undang-undang				
(ii) Kumpulan Pengurusan Tinggi				
(iii) Kumpulan Pengurusan dan Profesional				
(iv) Kumpulan Sokongan				
JUMLAH				

7. PENJELASAN DASAR BARU

- (a) Objektif Dasar Baru
- (b) Sebab-sebab Diperlukan
- (c) Implikasi sekiranya permohonan tidak diluluskan
- (d) Perkiraan terperinci mengenai peruntukan yang diperlukan.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN BARU MENGIKUT OBJEK AM DAN OBJEK SEBAGAI

MAKSUD BEKALAN :

PROGRAM :

AKTIVITI :

Objek Sebagai	Deskripsi Objek Sebagai	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambah/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009	Peruntukan Asal Tahun semasa (2010)	Peruntukan Diminta Tahun 2011	Peruntukan Diminta Tahun 2012	Anggaran Disyorkan Tahun 2011	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2010	% Beza I	Anggaran Disyorkan Tahun Baru Kedua (2012)	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2012	% Beza II
11000	Gaji dan Upahan											
12000	Elaun Tetap											
13000	Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan											
14000	Elaun Lebih Masa											
15000	Faedah Kewangan Yang Lain											
16000	Bayaran-bayaran Elaun Diraja											
10000	EMOLUMEN											
21000	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup											
22000	Pengangkutan Barang- barang											
23000	Perhubungan dan Utiliti											
24000	Sewaan											
25000	Bahan-bahan Makanan dan Minuman											

Objek Sebagai	Deskripsi Objek Sebagai	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambahan/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009	Peruntukan Asal Tahun semasa (2010)	Peruntukan Diminta Tahun 2011	Peruntukan Diminta Tahun 2012	Anggaran Disyorkan Tahun 2011	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2010	% Beza I	Anggaran Disyorkan Tahun Baru Kedua (2012)	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2012	% Beza II
26000	Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan											
27000	Bekalan dan Bahan- bahan Lain											
28000	Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli											
29000	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti											
20000	PERKHIDMATAN & BEKALAN											
31000	Tanah dan Pembaikan Tanah											
32000	Bangunan dan Pembaikan											
	Bangunan											
33000	Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan											
34000	Kenderaan dan Jentera											
35000	Harta Modal Yang Lain											
36000	Binatang, Pokok & Benih											
37000	Pinjaman											

Objek Sebagai	Deskripsi Objek Sebagai	Peruntukan Tahun 2009 Termasuk Tambah/ Pengurangan	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009	Peruntukan Asal Tahun semasa (2010)	Peruntukan Diminta Tahun 2011	Peruntukan Diminta Tahun 2012	Anggaran Disyorkan Tahun 2011	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2010	% Beza I	Anggaran Disyorkan Tahun Baru Kedua (2012)	Beza Anggaran Tahun 2011 dan 2012	% Beza II
38000	Pelaburan											
30000	ASET											
41000	Biasiswa, Dermasiswa dan											
	Bantuan Pelajaran											
42000	Pemberian Dalam Negeri											
43000	Pemberian Ke Luar Negeri											
44000	Tuntutan Insurans & Pampasan											
45000	Faedah, Dividen & Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain											
46000	Pencen											
47000	Ganjaran											
40000	PEMBERIAN & BAYARAN TETAP											
51000	Pulang Balik dan Hapus Kira											
52000	Bayaran-bayaran Lain											
50000	PERBELANJAAN LAIN											
	JUMLAH BESAR											

**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2011
JUSTIFIKASI JAWATAN BARU**

1. MAKSUD:	2. JABATAN:
3. PROGRAM:	4. AKTIVITI:
5. OBJEKTIF AKTIVITI:	
6. JAWATAN DIPOHON:	7. GRED GAJI:
8. SKIM PERKHIDMATAN JAWATAN YANG DIPOHON: a) Klasifikasi Perkhidmatan b) Bidang c) Skim Perkhidmatan	9. KOD SKIM:

10. KEDUDUKAN BILANGAN JAWATAN

BILANGAN JAWATAN

	Jawatan sedia Ada	Jawatan Kosong	Jawatan Dipohon
Mengikut Agensi			
